

NO. SOALAN: 362

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH :

RUJUKAN : 10425

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes tembak dengan menggunakan senjata api sejak 2012 sehingga tahun 2017 dan tindakan yang telah pun diambil untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Statistik kes melepaskan tembakan dari tahun 2012 hingga September 2017 mengikut kesalahan adalah seperti berikut:

TAHUN	KESALAHAN MELEPASKAN TEMBAKAN		
	BUNUH	CUBA BUNUH	SAMUN
2012	68	33	29
2013	93	53	8
2014	39	40	9
2015	40	50	14
2016	32	29	7
2017	16	17	4
JUMLAH	288	222	71

Antara tindakan yang telah diambil bagi mengurangkan kadar jenayah adalah seperti berikut:

- i) aktiviti pencegahan dengan memfokuskan kumpulan kongsi gelap dan gengsterisme. Tindakan akan diambil di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA);

- ii) **Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan Unit Rondaan Berkereta (MPV) bagi memastikan kehadiran anggota polis di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi berlakunya jenayah; dan**

- iii) **Ops Laras dan Ops Api bagi mengesan senjata api yang diseludup dan senjata api yang berada dalam negara. Operasi secara berterusan juga dilaksanakan oleh pasukan *Special Tactical on Organised Crime* (STAFOC) terhadap jenayah terancang dalam negara.**